

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(14)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014-2015)
BILANGAN 7 TAHUN 2015**

Tarikh : 29 Julai 2015 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 11.42 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Julai 2015.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.



3.2 PENYELESAIAN MASALAH ADUAN

Beliau mendapati bahawa terdapat keadaan di mana apabila pegawai turun padang untuk menyiasat aduan didapati juga terdapat aduan lain yang melibatkan pelbagai jabatan yang lain. Oleh kerana itu, pegawai hanya menumpukan kepada aduan yang berada di dalam bidang kuasanya sahaja dan mengakibatkan aduan lain di tapak tidak dapat ditangani.

Sehubungan dengan itu, diperingkat Majlis, YBhg. Datuk Bandar telah menugaskan pegawai penguakusa yang melakukan rondaan di seluruh kawasan MBPJ untuk merekod inventori masalah yang berpotensi akan menjadi aduan untuk disalurkan kepada jabatan terlibat bagi tindakan selanjutnya. Mengikut statistik rondaan bagi bulan Julai 2015, didapati bahawa kerosakan lampu jalan dan longkang mencatat masalah tertinggi yang boleh menyebabkan masalah pelbagai aduan oleh masyarakat.

Dalam masa yang sama, beliau mendapati proses penyelesaian aduan yang melibatkan kerosakan longkang dan lampu jalan masih lagi tinggi. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan Majlis mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi. Aduan yang melibatkan longkang perlu diselesaikan dalam masa 3 minggu dari tarikh aduan diterima.

Oleh yang demikian bagi menyelaraskan tindakan ke atas aduan tersebut, Majlis akan melaksanakan semula cadangan pelantikan CNA (Council Neighbourhood Ambassador) atau Duta Kejiranan Majlis yang pernah dicadangkan dahulu.

Satu mesyuarat yang dipengerusi oleh Timbalan Datuk Bandar telah diadakan pada 28 Julai 2015. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas jabatan berkaitan cadangan pelantikan CNA. Oleh itu, sebagai projek perintis, mesyuarat bersetuju melantik 3 orang CNA bagi 3 zon Ahli Majlis iaitu Zon 8 (Ahli Majlis Tuan Ir. Lee Suet Sen), Zon 18 (Ahli Majlis Encik Ariffin bin Mahaiyuddin) dan satu lagi zon yang akan diputuskan kemudian. Sekiranya 3 zon perintis ini berjaya maka pelantikan CNA akan dipanjangkan ke zon-zon Ahli Majlis yang lain. Pegawai CNA yang dilantik hendaklah terdiri daripada kakitangan yang berpengalaman dan mengetahui semua bidang tugas majlis serta bertugas sepenuh masa untuk memantau pelaksanaan aduan.

Selain itu, beliau berharap agar semua kerja-kerja penyelenggaraan terutama penyelenggaraan longkang hendaklah berkualiti dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Beliau turut memaklumkan bahawa banyak longkang-longkang di PBT perlu dinaiktaraf



memandangkan pembangunan di Petaling Jaya yang pesat menyebabkan longkang-longkang yang ada tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak.

3.3 Kempen Jom Sapu Bersih

Beliau memaklumkan bahawa kempen Jom Sapu Bersih akan diadakan pada 15 – 31 Ogos 2015. Program ini akan melibatkan semua jabatan di MBPJ, kontraktor dan masyarakat Petaling Jaya. Jom Sapu Bersih yang diadakan antaranya bertujuan untuk mengurangkan wabak denggi. Lawatan daripada Kementerian Kesihatan di tempat pembuangan sampah, Kayu Ara mendapati kawasan tersebut dipenuhi sampah yang boleh menjadi penyumbang kepada wabak denggi.

Berdasarkan statistik kes denggi minggu epid 29, Daerah Petaling mencatatkan penurunan 162 kes berbanding 261 kes pada minggu epid 27. Daerah Petaling Jaya berada dikedudukan ketiga dengan 5,379 jumlah kes denggi dan kekal mencatatkan 11 kematian sejak Mei lalu.

Sehubungan itu, walaupun kes denggi mencatatkan penurunan, Majlis mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Jom sapu bersih yang akan melibatkan sembilan zon kawasan pembuangan sampah haram. Majlis akan mengambil tindakan ke atas pemilik kawasan pembuangan sampah haram. Selain daripada itu tindakan memagar tempat pembuangan sampah haram akan diambil bagi mengelakkan kejadian pembuangan sampah haram berulang.

MBPJ telah menyediakan kos sebanyak RM850,000.00 untuk kempen ini dan memperuntukan RM310,000.00 bagi memagar kawasan yang dijadikan lokasi pembuangan sampah haram.

Pogram ini akan melibatkan seluruh kawasan dan tidak tertumpu kepada kawasan persendirian sahaja. MBPJ turut meminta kerjasama daripada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bagi tindakan susulan termasuk pemberian notis awal kepada pemilik tanah.

Untuk makluman mesyuarat, Majlis turut mengambil tindakan kepada individu yang membuang sampah haram di mana setakat hari ini seramai tujuh (7) orang individu ditangkap. Daripada tujuh (7) orang individu yang ditangkap, tiga orang daripadanya adalah warga tempatan. Tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas individu yang ditangkap bagi memberi kesedaran serta pengajaran kepada orang awam agar tidak membuang sampah di kawasan pembuangan sampah haram.

3.4 SEMINAR DAN BENGKEL 'CREATING STREET FOR PEOPLE' DAN SISTEM MAKLUMAT PERANCANGAN PENGANGKUTAN PETALING JAYA

Majlis bercadang untuk mengadakan Seminar dan Bengkel 'Creating Street For People' yang dijadualkan pada 26 – 27 Ogos 2015. Seminar ini bertujuan untuk mendapatkan kaedah terbaik di dalam penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal di Petaling Jaya melalui perkongsian maklumat daripada pembentangan kertas kerja luar Negera dan dalam Negara. Selaras dengan Rangka Kerja Dasar Perancangan "Petaling Jaya Sustainable 2030" menetapkan ilmu halatuju utama antaranya Habitat Kita "Menjadikan Petaling Jaya Sebagai Sebuah Bandaraya Indah Dan Berdayahuni".

Penganjuran seminar ini juga bertujuan memberi pemahaman, kesedaran dan publisiti kepada orang awam dan pihak terlibat berkaitan penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal serta kemudahan berkaitan "Creating Street For People" di Petaling Jaya serta mewujudkan jaringan laluan tanpa motor ke stesen transit atau stesen pengangkutan awam.

Selain itu juga, seminar ini memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berhubung dengan komponen yang perlu diambilkira di dalam perancangan pembangunan laluan pejalan kaki dan laluan basikal seperti tempat penyediaan tempat menarik bagi menggalakkan pergerakan menggunakan basikal dan berjalan kaki.

Majlis berharap melalui seminar ini merangka garis panduan dan rekabentuk laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan dan mematuhi garis panduan "universal design".

Seramai 300 orang peserta akan hadir yang terdiri daripada Persatuan Penduduk, NGO (Pedal Malaya, Bicycle Village, Cetdem), Ahli Majlis, ADUN, Ahli Parlimen, Jabatan Teknikal Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan, Prasarana, Jabatan Kerja Raya (JKR), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), The Institution Engineers Malaysia, (IEM), The Institution of Surveyors Malaysia (ISM), Malaysian Institute of Planners (MIP), Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM), Pemaju, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REDHA) dan Jabatan Perancang dan Desa Negeri Selangor (JPBD).



Sementara itu, Sistem maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya adalah sistem yang membolehkan penganalisaan maklumat trafik, penilaian kesan trafik, impak lalulintas dan simulasi trafik semasa dan akan datang secara digital dan pantas. Sistem ini membolehkan maklumat perancangan pengangkutan sentiasa di kemaskini dengan memasukkan data yang diperolehi daripada Laporan Kajian Impak Lalulintas (TIA) yang diterima semasa permohonan Kebenaran Merancang untuk membolehkan Majlis membuat pertimbangan permohonan Kebenaran Merancang.

Beliau sekali lagi menjemput seluruh warga Petaling Jaya untuk bersama-sama meraikan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ pada 31 Julai 2015 bermula jam 3.00 petang hingga 6.00 petang bertempat di tempat Letak Kereta Dewan Sivik, MBPJ. Selain daripada dapat mengeratkan perhubungan dengan penduduk, jamuan seperti ini adalah ruang kepada orang awam untuk menyalurkan aduan dan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan Majlis.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 6 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2015 bertarikh 29 Jun 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 JUN 2015

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.5.2)	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN</p> <p>- Merujuk kepada maklumbalas dimana penjualan tender akan dijual pada akhir Jun 2015.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah menghantar dokumen tender bagi tujuan penjualan dan dijangka dijual pada 29 Julai 2015.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.5	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 JUN 2015.</p> <p>- Tuan Pengerusi mencadangkan agar jabatan berkaitan mengadakan kempen bagi menyelesaikan masalah longkang. Selain daripada itu penubuhan Unit Task Force longkang amat perlu bagi mengenalpasti seterusnya mengambil tindakan ke atas longkang-longkang bermasalah di Petaling Jaya.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah menubuhkan Task Force Saliran pada 03 Julai 2015 dan Jawatankuasa mesyuarat bersetuju melantik Encik Azizi Bin Ariffin sebagai Pengerusi Jawatankuasa Task Force.</p> <p>Mesyuarat Task Force Bilangan 2/2015 telah diadakan pada 13 Julai 2015 dan taklimat mengenai :-</p> <p>a) Tugas bahagian saliran, Jabatan Kejuruteraan.</p> <p>b) Mengenal pasti isu, masalah kerosakan longkang dan jalan penyelesaian yang bukan sahaja melibatkan Jabatan Kejuruteraan tetapi perlu penglibatan jabatan lain.</p> <p>Untuk menyelesaikan aduan longkang, bahagian saliran telah melantik :</p> <p>a) Kerja segera / kecemasan kontraktor kerja inden.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>b) Kontraktor kerja pembaikan longkang tidak berjadual mengikut kawasan (projek sebutharga).</p> <p>Untuk mengatasi masalah sisa sampah pembinaan longkang di tepi jalan, kontraktor juga telah diarahkan untuk menyediakan tong RORO di setiap lokasi kerja.</p>
7.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</p> <p>a) Isu Bekalan Air</p> <p>Beliau mencadangkan agar MBPJ menyemak dengan SYABAS berkaitan bekalan air sama ada mencukupi atau tidak untuk menampung pembangunan yang telah diluluskan semenjak tiga (3) tahun yang lepas.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar agar Majlis mewujudkan jawatankuasa teknikal bagi mengkaji isu ini. Jawatankuasa teknikal ini bertujuan untuk memberi maklumbalas terkini berkaitan isu bekalan air ke atas projek yang dibentangkan sebelum diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p>	<p>Merujuk kepada Hal-hal Lain dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil.14/2015 bertarikh 7 Julai 2015 mengenai Dasar Kelulusan Bekalan Air Oleh Pihak Syabas Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Pembangunan Industri Di Negeri Selangor antaranya seperti berikut:</p> <p>i. SPAN dan SYABAS bersetuju untuk meneruskan sokongan bekalan air terhadap permohonan kebenaran merancang bagi:</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>a. Projek-projek Kerajaan, infrastruktur dan kemudahan awam. Contoh: perumahan Prima, Selangorku dan setaraf.</p> <p>b. Projek-projek pembangunan di mana keperluan airnya tidak melebihi 10,000 gelen sehari. Sekiranya melibatkan skala yang lebih besar, pembangunan secara berfasa digalakkan.</p> <p>ii. Persetujuan ini adalah tertakluk kepada persetujuan (akujanji) pemohon untuk tidak mengambil apa-apa tindakan perundangan atau saman terhadap SPAN, SYABAS, PBT dan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya bekalan air tidak mencukupi dan tidak dapat dibekalkan kepada pembangunan tersebut. Invest Selangor melalui UPEN akan membawa syor ini terlebih dahulu untuk persetujuan Mesyuarat EXCO-MTES / MMKN sebelum dilaksanakan di peringkat PBT.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p>b) Task Force Cerun-Cerun Bukit</p> <p>Bagi mengatasi masalah yang berlaku dicerun-cerun bukit, beliau mencadangkan agar diwujudkan 'Task Force' bagi mengkaji dan mempelajari isu-isu yang berlaku di cerun-cerun bukit. Pasukan ini akan mengenalpasti permasalahan yang timbul sebelum penduduk atau pihak media menghidu masalah ini.</p> <p>Kajian-kajian yang dibuat hendaklah meliputi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kesan sebelum projek berjalan ii) Kesan semasa projek berjalan iii) Kesan selepas projek berjalan 	<p>Bagi permohonan selain daripada yang dinyatakan, boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Teknikal (mengkaji isu bekalan air) yang akan ditubuhkan dan sokongan jawatankuasa tersebut diguna pakai sebagai salah satu justifikasi untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk membuat keputusan.</p> <p>Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan dan kestabilan tanah tinggi di Petaling Jaya pada 18 Jun 2015 telah memutuskan satu 'task force' ditubuhkan dalam memantau sebarang pembangunan atau isu-isu di kawasan bukit di Petaling Jaya.</p> <p>Satu garis panduan telah dirangka, fungsi dan tanggungjawab unit 'task force' akan dibincangkan dengan terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas yang akan datang.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan juga bercadang untuk melantik perunding dalam menyediakan inventori / data peta risiko di Bukit Lanjan sebagaimana yang telah dilaksanakan di Bukit Gasing.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Dengan adanya data-data seperti 'hazard & risk map", Majlis dapat mengenal pasti kawasan-kawasan cerun yang berisiko untuk diberi perhatian sama ada oleh pihak Majlis atau pemilik persendirian.</p>

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 2 JULAI 2015, 9 JULAI 2015 DAN 14 JULAI 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (120)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (122)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (124)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 6 JULAI 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (73)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 JUN 2015 DAN 7 JULAI 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (6)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (8)

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.



6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 8 JULAI 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (33)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara-perkara 3.0 (4.2) di muka surat 5 iv) iaitu Encik Ariffin bin Mahaiyuddin memaklumkan beliau belum pernah melihat perkhidmatan 'feeder bus' yang telah beroperasi di kawasan PJS kecuali pada hari pelancaran walaupun tempoh percubaan adalah selama 6 bulan.

Tuan Pengerusi meminta agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan melihat semula perkara ini.

Encik Halimey bin Abu Bakar pula memaklumkan bahawa Jabatan Kejuruteraan masih belum mengadakan 'Press Conference' sebagaimana keputusan serta belum mengedarkan 'flyers' berkaitan perkhidmatan 'feeder bus'.

Encik Chong Fook Meng turut memaklumkan bahawa beliau adalah pengguna tegar 'feeder bus'. Kebelakangan ini beliau mendapati kekerapan perkhidmatan yang selama ini 10 minit sekali menjadi 15 minit sekali. Hal ini menggambarkan ketidakcekapan Majlis di dalam mengendalikan perkhidmatan. Beliau berharap agar kekerapan ini dikekalkan kepada 10 minit sekali.

Tuan Pengerusi menyokong cadangan ini dan berharap agar Jabatan Kejuruteraan membuat satu kajian sama ada menambah atau mengekalkan jumlah 'feeder bus' sedia ada dan mengekalkan kekerapan perkhidmatan sebanyak 10 minit sekali.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 8 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (103)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 9 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (132)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 10 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (55)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 10 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (39)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 13 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (127)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN
BERTARIKH 13 JULAI 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (41)]**


6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Tiada.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.42 pagi. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 5 Ogos 2015

LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Encik Chan Kien Fatt,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Tuan Dr. Abdul Ghalib bin Sulaiman,
Wakil Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Hajah Zainun binti Zakaria,
Wakil Pengarah,
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Mohd Isa,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Wan Samsudin bin Wan Ali,
Penolong Pengarah (Pentadbiran Am),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
03. Encik Muhammad Reduan bin Bachok,
Wakil Penyelaras DUN Kota Damansara.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

